

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM
[PORT DICKSON]**

TARIKH : 23 SEPTEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM [PORT DICKSON] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah terkini wang yang telah dibelanjakan melalui Kumpulan Wang Disatukan semasa darurat 2021 dan bilakah Kerajaan bercadang untuk membentangnya di Dewan Rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, setakat 31 Ogos 2021, iaitu berakhirnya tempoh darurat, sejumlah 146.5 bilion ringgit telah dibelanjakan di bawah anggaran perbelanjaan mengurus (atau OE) Kerajaan Persekutuan, manakala sejumlah 40 bilion ringgit telah dibelanjakan di bawah anggaran perbelanjaan pembangunan (atau DE).

2. Kedua-dua perbelanjaan ini merupakan sebahagian daripada Belanjawan 2021 bernilai RM322.5 bilion dan dibuat berdasarkan kepada peruntukan yang telah diluluskan oleh Parlimen di bawah Anggaran Perbelanjaan Persekutuan bagi tahun 2021. Sehubungan itu, tiada perbelanjaan tambahan telah dibuat di bawah OE atau DE semasa tempoh darurat yang perlu dibentangkan di Dewan Rakyat kerana ianya menggunakan peruntukan semasa yang telah diluluskan bagi tahun 2021.

3. Selain itu, Kerajaan telah meluluskan ordinan semasa tempoh darurat yang membolehkan perbelanjaan tambahan dibuat oleh Kementerian Kewangan tanpa dibentangkan kepada Parlimen. Namun demikian, ordinan tersebut tidak digunakan untuk tahun 2021 tetapi hanya digunakan untuk meluluskan tambahan perbelanjaan bagi tahun 2020.

4. Di samping perbelanjaan OE dan DE, Kerajaan juga telah membiayai pakej rangsangan dan bantuan melalui Kumpulan Wang Covid-19 (atau KWC). Parlimen telah meluluskan pindaan siling KWC pada 31 Disember 2020 sehingga 65 bilion ringgit. Setakat 31 Ogos 2021, perbelanjaan KWC adalah berjumlah 58.8 bilion ringgit. Justeru, mengambil kira keperluan tambahan untuk membantu rakyat yang terjejas dan menyokong kelangsungan perniagaan, Kerajaan akan membentangkan ke Parlimen dalam penggal ini untuk meningkatkan siling KWC kepada RM110 bilion untuk membiayai bantuan dan sokongan tambahan bagi tahun 2021 dan selanjutnya.

Sekian, terima kasih.